



28 September 2018
28 September 2018
P.U. (A) 240

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PEMBERI PINJAM WANG
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) (PINDAAN) 2018

*MONEYLENDERS (COMPOUNDING OF OFFENCES)
(AMENDMENT) REGULATIONS 2018*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PEMBERI PINJAM WANG 1951

PERATURAN-PERATURAN PEMBERI PINJAM WANG
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) (PINDAAN) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 29H Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [*Akta 400*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Pengkompaunan Kesalahan) (Pindaan) 2018**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2018.

Pindaan peraturan 2

2. Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Pengkompauan Kesalahan) 2003 [*P.U. (A) 401/2003*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam perenggan 2(b) dengan menggantikan perkataan “dan 6(10)” dengan perkataan “, 6(10) dan peraturan 16”.

Pindaan peraturan 3

3. Peraturan 3 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “notis” perkataan “tawaran”; dan

(ii) dengan menggantikan perkataan “borang” dengan perkataan “Borang 1 sebagaimana”; dan

(b) dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(3) Seseorang yang menyetujui terima tawaran untuk mengkompaun suatu kesalahan yang boleh dikompaun hendaklah menyetujui terima tawaran itu dalam Borang 2 yang ditetapkan dalam Jadual.”.

Pindaan peraturan 4

4. Peraturan 4 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

(a) dalam subperaturan (1), dengan memasukkan selepas perkataan ‘ “Akaun Penerima Sahaja” ’ perkataan “atau melalui pemindahan wang secara elektronik”; dan

(b) dengan menggantikan subperaturan (2) dengan subperaturan yang berikut:

“(2) Pembayaran kompaun di bawah subperaturan (1), selain pembayaran yang dibuat melalui pemindahan wang secara elektronik, hendaklah seperti yang berikut:

(a) jika pembayaran dibuat secara tunai, pembayaran itu hendaklah diserahkan sendiri kepada Pendaftar atau orang yang diberi kuasa untuk membuat tawaran untuk mengkompaun; dan

(b) jika pembayaran dibuat melalui kiriman wang, wang pos, pesanan juruwang, pesanan bank atau draf bank, pembayaran itu hendaklah diserahkan sendiri kepada Pendaftar atau orang yang diberi kuasa untuk membuat tawaran untuk mengkompaun atau dihantar melalui pos ke alamat yang dinyatakan dalam notis

tawaran untuk mengkompaun kesalahan dalam
Borang 1 sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual.”.

Penggantian Jadual

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan Jadual dengan Jadual yang berikut:

“JADUAL

[Peraturan 3]

BORANG 1

AKTA PEMBERI PINJAM WANG 1951

PERATURAN-PERATURAN PEMBERI PINJAM WANG
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2003

NOTIS TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN

Kepada:

.....
.....
.....

Tuan/Puan*,

Rujukan:

Saya telah menerima suatu maklumat/aduan bahawa anda telah melakukan kesalahan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951/peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini dengan butir-butir yang berikut:

(a) peruntukan Akta/peraturan-peraturan yang berkaitan**:

.....
.....

- (b) tarikh:
- (c) masa:
- (d) tempat:
- (e) butir-butir kesalahan:

2. Menurut subseksyen 29F(1) Akta Pemberi Pinjam Wang 1951, dengan keizinan Pendakwa Raya, anda ditawarkan suatu kompaun bagi kesalahan yang dinyatakan di atas bagi jumlah wang sebanyak RM (Ringgit Malaysia sahaja).

3. Jika tawaran ini diterima, pembayaran boleh dibuat—

(a) secara tunai dan bayaran itu hendaklah diserahkan sendiri kepada Pendaftar/Pegawai Pengkompaun;

(b) melalui kiriman wang/wang pos/pesanan juruwang/pesanan bank/draf bank* yang kena dibayar kepada Pendaftar Pemberi Pinjam Wang dan dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja” dan hendaklah diserahkan sendiri kepada Pendaftar/Pegawai Pengkompaun atau dihantar melalui pos ke alamat yang berikut:

; atau

(c) melalui pemindahan wang secara elektronik ke nombor akaun

4. Suatu resit rasmi akan dikeluarkan apabila pembayaran kompaun diterima.

5. Tawaran ini sah bagi tempoh mulai hingga

6. Jika tiada bayaran diterima dalam tempoh yang dinyatakan di atas, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan terhadap anda tanpa notis selanjutnya.

Tarikh:

.....

*Pendaftar/Pegawai Pengkompaun**

Nama:

Jawatan:

Cop rasmi:

* *Potong mana-mana yang tidak berkenaan.*

** *Masukkan nama perundangan yang berkaitan.*

BORANG 2

AKTA PEMBERI PINJAM WANG 1951

PERATURAN-PERATURAN PEMBERI PINJAM WANG
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2003

PENYETUJUTERIMAAN TAWARAN UNTUK MENGGOMPAUN KESALAHAN

Kepada:

Pendaftar Pemberi Pinjam Wang

.....
.....
.....

Tuan,

Saya merujuk kepada Notis Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan dengan no. rujukan yang bertarikh

2. Saya mengaku bahawa saya telah melakukan kesalahan ini dan saya menerima tawaran untuk mengkompaun itu dan disertakan bersama ini wang tunai/kiriman wang/wang pos/pesanan juruwang/pesanan bank/draf bank/resit elektronik* no. bagi jumlah wang sebanyak RM (Ringgit Malaysia sahaja) sebagai penyelesaian penuh bagi jumlah wang yang dinyatakan dalam perenggan 2 Notis Tawaran untuk Mengkompaun Kesalahan itu.

Tandatangan:

Nama (*huruf besar*):

Nombor Kad Pengenalan/Pasport:

Jawatan:

Nama syarikat/perniagaan atau badan lain*:

Meterai syarikat/Cap perniagaan atau badan lain* (*jika terpakai*):

Nombor pendaftaran syarikat :

Nombor Lesen Pemberi Pinjam Wang:

Alamat:

.....

Tarikh:

* *Potong mana-mana yang tidak berkenaan."*

Dibuat 26 September 2018

[KPKT/PUU/(S)/8/07 Jld.6; PN(PU2)154]

HAJAH ZURAIDA BT KAMARUDDIN
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

MONEYLENDERS ACT 1951

MONEYLENDERS (COMPOUNDING OF OFFENCES) (AMENDMENT) REGULATIONS 2018

IN exercise of the powers conferred by section 29H of the Moneylenders Act 1951 [*Act 400*], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Moneylenders (Compounding of Offences) (Amendment) Regulations 2018**.

(2) These Regulations come into operation on 1 October 2018.

Amendment of regulation 2

2. The Moneylenders (Compounding of Offences) Regulations 2003 [*P.U. (A) 401/2003*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in paragraph 2(*b*) by substituting for the words “and 6(10)” the words “, 6(10) and regulation 16”.

Amendment of regulation 3

3. Regulation 3 of the principal Regulations is amended—

(*a*) in subregulation (1)—

(i) by inserting after the word “notice” the words “of offer”; and

(ii) by substituting for the words “the form” the words “Form 1”;
and

(*b*) by inserting after subregulation (2) the following subregulation:

“(3) A person who accepts an offer to compound a compoundable offence shall accept the offer in Form 2 as prescribed in the Schedule.”.

Amendment of regulation 4

4. Regulation 4 of the principal Regulations is amended—

(a) in subregulation (1), by inserting after the words ‘ “Account Payee Only” ’ the words “or through an electronic fund transfer”; and

(b) by substituting for subregulation (2) the following subregulation:

“(2) Payment of compound under subregulation (1), other than payment made through an electronic fund transfer, shall be as follows:

(a) if the payment is made in cash, such payment shall be delivered personally to the Registrar or the person authorized to make the offer to compound; and

(b) if the payment is made by money order, postal order, cashier’s order, banker’s order or banker’s draft, such payment shall be delivered personally to the Registrar or the person authorized to make the offer to compound or sent by post to the address specified in the notice of offer to compound the offence in Form 1 as prescribed in the Schedule.”.

Substitution of Schedule

5. The principal Regulations are amended by substituting for the Schedule the following Schedule:

“SCHEDULE

[Regulation 3]

FORM 1

MONEYLENDERS ACT 1951

MONEYLENDERS ACT (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2003

NOTICE OF OFFER TO COMPOUND OFFENCE

To:

.....
.....
.....

Sir/Madam*,

Reference:

I have received an information/complaint that you have committed the offence under the Moneylenders Act 1951/regulations made under the Act with the following particulars:

(a) relevant provision of the Act/regulations**:

.....
.....

(b) date:

(c) time:

(d) place:

(e) particulars of the offence:

.....
.....
.....

2. Pursuant to subsection 29F(1) of the Moneylenders Act 1951, with the consent of the Public Prosecutor, you are offered a compound for the offence stated above for the sum of RM
(Ringgit Malaysia only).
3. If this offer is accepted, payment may be made—
 - (a) in cash and such payment shall be delivered personally to the Registrar/Compounding Officer;
 - (b) by money order/postal order/cashier's order/banker's order/banker's draft* payable to the Registrar of Moneylenders and crossed with the words "Account Payee Only" and shall be delivered personally to the Registrar/Compounding Officer or sent by post to the following address:
.....
.....; or
 - (c) through an electronic fund transfer to the account number
..... .
4. An official receipt shall be issued on receipt of payment of the compound.
5. This offer shall be valid for the period from to
6. If no payment is received within the period stated above, prosecution for the offence may be instituted against you without further notice.

Date:

.....

*Registrar/Compounding Officer**

Name:

Designation:

Official stamp:

** Delete whichever is inapplicable.*

*** Insert citation of relevant legislation.*

FORM 2

MONEYLENDERS ACT 1951

MONEYLENDERS ACT (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2003

ACCEPTANCE OF OFFER TO COMPOUND OFFENCE

To:

The Registrar of Moneylenders

.....
.....
.....

Sir,

I refer to the Notice of Offer to Compound Offence bearing the reference no. dated

2. I admit that I have committed this offence and I accept the offer to compound and enclosed herewith cash/money order/postal order/cashier's order/banker's order/banker's draft/electronic receipt* no. for the sum of RM (Ringgit Malaysia only) as full settlement of the sum stipulated in paragraph 2 of the Notice of Offer to Compound Offence.

Signature:

Name (*in capital letter*):

Identity Card/Passport number:

Designation:

Name of company/business or other body*:

Company seal/Stamp of business or other body* (*if applicable*):

Company registration number:

Moneylender's Licence number:

Address:
.....

Date:

* *Delete whichever is inapplicable.*

Made 26 September 2018
[KPKT/PUU/(S)/8/07 Jld.6; PN(PU2)154]

HAJAH ZURAIDA BT KAMARUDDIN
Minister of Housing and Local Government